

RESEARCH ARTICLE

MUZIUM DAN USAHA MEMPERKASAKAN ASET SEJARAH ISLAM PAHANG

(Museums and the Empowerment of Islamic Historical Heritage in Pahang)

Ahmad Farid Abd Jalal¹, Ibrahim Majdi Mohamad Kamil², Mohamad Hilmi Mat Said^{3*}, Rahimin Affandi Abdul Rahim⁴¹Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia²School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Jalan Universiti, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia³Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, 26300 Pahang, Malaysia⁴Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRACT – *Memory institutions play a pivotal role in the development of civilizations. According to Margaret Hedstrom (2006), there are three primary memory institutions: libraries, archives, and museums. Within this hierarchy, museums hold the highest priority compared to libraries and archives. This study examines efforts to strengthen the role of the Pahang Museum in empowering Islamic historical assets in the state of Pahang. Ahmad Farid Abd Jalal highlights that certain local historical sources in Pahang remain overlooked. Employing a qualitative approach, this research utilizes literature review and artifact analysis from both primary and secondary sources within the thematic scope of the study. The findings reveal two significant outcomes: first, the Pahang Museum has adopted the philosophy of the “new museum,” which emphasizes the application of critical thinking across all activities. Second, the museum has identified neglected Islamic historical facts. Furthermore, this philosophy has been integrated into two galleries—the Mosque Museum Gallery and the Servitude Gallery. It is anticipated that this study will encourage further scholarly contributions aimed at enhancing and elevating the Islamic historical heritage of Pahang.*

ABSTRAK - Institusi memori mempunyai peranan yang sangat signifikan kepada pembangunan sesebuah tamadun. Menurut Margaret Hedstrom 2006, terdapat tiga institusi memori iaitu perpustakaan, arkib dan muzium. Manakala dari segi hirarki keutamaan muzium pada posisi pertama berbanding perpustakaan dan arkib. Fokus kajian ini adalah memperkasakan peranan Muzium Pahang dalam memperkasakan aset sejarah Islam di Negeri Pahang. Menurut Ahmad Farid Abd Jalal, terdapat sumber sejarah tempatan Pahang yang masih diabaikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis tinjauan literatur dan analisis artifak sejarah dari sumber pertama dan kedua dalam skop tema kajian. Hasil kajian ini mendapati wujud dua perkara utama, iaitu pertama, Muzium Pahang telah menerima pakai falsafah muzium baru yang menekankan penggunaan pemikiran kritikal dalam kesemua aktiviti. Kedua, Muzium Pahang telah mengenal pasti fakta sejarah Islam yang diabaikan. Seterusnya falsafah muzium baharu turut diterapkan ke dalam dua galeri muzium terbabit iaitu galeri Muzium Masjid dan galeri Kehambaan. Kajian ini dicadangkan dapat menarik perhatian para pengkaji lain untuk menyumbang kajian-kajian seterusnya bagi mempertingkatkan dan memartabatkan aset sejarah Islam Pahang.

ARTICLE HISTORY

Received : 14th Jan. 2025
 Revised : 28th Mar. 2025
 Accepted : 2nd Nov. 2025
 Published : 20th Nov. 2025

KEYWORDS

*Memory Institutions
 Civilization
 Pahang Museum
 Historical Assets
 New Museum Philosophy*

KATAKUNCI

*Institusi Memori
 Tamadun
 Muzium Pahang
 Aset Sejarah
 Falsafah Muzium Baru*

PENGENALAN

Dalam sejarah dunia terdapat institusi memori bertanggungjawab membangunkan sesuatu tamadun yang dikenali sebagai perpustakaan, arkib, dan muzium. Merujuk Margaret Hedstrom (2006) ketiga-tiga institusi ini terlibat di dalam mengumpul-merawat, menjaga, menyelidik, dan mendidik ahli masyarakat menggunakan warisan sejarah. Menurut Margaret Hedstrom (2006), muzium berada dalam hirarki pertama di antara perpustakaan dan arkib. Usaha pengumpulan artifak dari alam semula jadi oleh individu pengumpul muzium yang awal dikenali dengan nama “*cabinet of curiosities*” kemudiannya telah mencetus pembentukan perpustakaan, arkib, dan universiti. Muzium adalah institusi yang menumpukan perhatian kepada pengumpulan bahan atau objek muzium dalam bentuk nyata dan tidak nyata yang dikenali sebagai artifak yang dihasilkan melalui kebudayaan dan kearifan tempatan sesuatu masyarakat. Merujuk Ahmad Farid

Abdul Jalal (2022), antara contoh objek muzium adalah pakaian, perabot, alatan muzik, lukisan, binatang, bahan mineral, botani dan zoologi.

METODOLOGI KAJIAN

Muzium dan Penyelidikan Ilmiah

Bagi sesebuah muzium, pemilikan sesuatu koleksi atau objek muzium adalah sangat penting kerana ia bakal dijadikan bahan untuk galeri pameran yang menaikkan imej sesuatu muzium. Oleh itu, muzium antarabangsa memperkenalkan beberapa pendekatan utama pembentukan muzium.

- 1) Universal Muzium iaitu Muzium ensiklopedia yang mengandungi artifak daripada hampir semua tamadun dunia; daripada peringkat awal, peringkat, dan moden. Ia membabitkan semua kawasan tamadun dunia merangkumi Eropah, Asia, Indo-Pakistan, Timur Tengah, dan Afrika. Misi utama Muzium ini bertanggungjawab menjaga artifak milik kesemua tamadun dunia. Merujuk Dushanthi Inoka Jayawardena (2010), muzium barat mewarisi koleksi artifak muzium daripada era penjajahan Eropah bagi tujuan pendidikan. Selain itu, wujud situasi ‘saling meminjam artifak merentasi negara’ bertujuan kajian (Neil G.W. Curtis, 2006).
- 2) Muzium sebagai *contact zone* iaitu tempat mendedahkan tamadun asing kepada masyarakat luar.
- 3) Muzium sebagai alat *multicultural* iaitu berfungsi mengajar semangat toleransi kepada masyarakat luar.

Merujuk falsafah dinyatakan, sering kali kerjasama antara muzium bertujuan menganjurkan sesuatu pameran. Selain itu, wujud situasi meminjamkan koleksi kepada muzium luar dan menguna pakai khidmat kurator negara asal (negara bekas tanah jajahan). Sebagai contoh, pihak muzium British dan muzium Volkenkunde (Belanda) apabila mengadakan pameran ibadah haji telah meminjam koleksi ibadah haji daripada pelbagai pihak yang berbeza terutama kerajaan Arab Saudi. Pameran ini mengambil kira pengalaman masyarakat Islam yang pernah mengerjakan ibadah haji di Mekah dan disusun mengikut aturan ibadah haji sebenar tanpa penglibatan pihak muzium. Semua objek dan pembentukan *layout* dan *story line* pameran haji menggunakan sudut pandang Islam sendiri (Laura Ilagien, 2013).

Objek muzium dianggap sebagai bahan berharga bagi tujuan penyelidikan dan diumpamakan perpustakaan bagi bidang pendidikan sejarah. Berbanding dengan pendidikan sekolah, pedagogi muzium lebih berkesan kerana maklumat ilmu yang disampaikan kepada pengunjung bukan terhad kepada buku teks seperti mana di sekolah. Sebaliknya pengunjung diajar untuk memperluaskan horizon pemahaman apabila mereka didedahkan dengan objek serta artifak muzium yang unik, asli, menarik, dan berkualiti.

Hasilnya, pedagogi persembahannya menjadi lebih menarik kerana mudah diingat pengunjung (Ab. Samad Kechot, 2012). Seterusnya pameran muzium bersifat interaktif iaitu pengunjung bebas menyuarakan pandangan apabila melihat sesuatu artifak. Daya pemikiran kritis mungkin wujud dengan melihat sesuatu artifak. Proses ini membabitkan usaha menjana pemikiran tahap tinggi; (i) mencetuskan sifat ingin tahu yang tinggi, (ii) menekankan isu pembuktian kepada sesuatu fakta, (iii) mengaitkan faktor sebab musabab, (iv) usaha mengkaji isu kontekstual sesuatu objek, dan (v) usaha mempelajari hikmah dan manfaat daripada sesuatu objek (S. Azman Ligun, 2017). Fokus kajian ini ialah mengenal pasti sumbangan muzium Pahang pada memperkasakan aset sejarah Islam yang dimiliki oleh negeri Pahang. Subjek analisis kajian ini ialah aset atau fakta sejarah Islam Pahang yang diabaikan sedangkan wujud kepentingannya dari aspek identiti khusus negeri Pahang.

Muzium Pahang dan Kesedaran Muzium Baru

Muzium Pahang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1975 melalui Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang Bil. 1/1975. Pada 21 Oktober 1976, Istana Kota Beram terletak di Bandar DiRaja Pekan secara rasminya telah dijadikan Muzium Negeri Pahang dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar. Pada tahun 2007, Muzium Pahang yang mengandungi lima galeri utama telah mengalami bukan sahaja proses transformasi inovatif tetapi juga telah mengharungi arus pembangunan yang pesat yang sewajarnya diberi penumpuan yang khusus. Transformasi tersebut juga melibatkan penghijrahan konsep Muzium Pahang daripada konsep tradisional kepada konsep muzium dalam taman; “*The Intellectual Garden*” sinonim dengan perkataan German, *freiraum* yang bermaksud ruang yang luas untuk fikiran yang terbuka, idea, imaginasi, dan kreativiti yang membawa kepada keyakinan, wawasan serta penyebaran dan perkongsian ilmu. Ini bermakna konsep baru yang diterapkan oleh muzium menekankan dengan jelas tiga era trajektori Pahang; sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Dicadangkan rangka kerja hasil kajian ini memberi panduan kepada pembinaan muzium yang komprehensif dengan memberikan penekanan kepada identiti, agama dan isu global yang menjadikannya unik dan kontemporari.

Pada 21 Oktober 2016, Muzium Masjid Sultan Abdullah; salah satu komponen utama Muzium Pahang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah ibni ibn Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah. Selain mengekalkan struktur dan fungsi masjid yang sedia ada, Muzium Masjid Sultan Abdullah turut mempamerkan koleksi-koleksi sumbangan Islam dalam membina tamadun bangsa termasuklah manuskrip-manuskrip berharga seperti kepelbagaian jenis al-Quran, kitab-kitab pengajian agama Islam dan Hukum Kanun Pahang. Muzium Pahang juga menyimpan 178 buah manuskrip dalam genre yang pelbagai seperti Hikayat Pahang, Himpunan Cerita Sejarah Pahang, surat-surat raja, pembesar-pembesar Melayu, teks titah ucapan diraja, catatan Sir Frank

Swettenham, Diari Hugh Clifford dan surat pemberitahuan pihak kerajaan British yang ditulis menggunakan tulisan Jawi. Muzium Masjid ini juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan maklumat dan menjadi maklumat penting kepada masyarakat keseluruhan untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih dekat dan menyeluruh.

Pada masa kini, Muzium Pahang mengguna pakai dan menerima impak falsafah Muzium Baru yang terikat dengan kepada persatuan muzium antarabangsa (ICOM). Falsafah ini timbul apabila sarjana muzium moden membuat analisis dan membuat penambahbaikan terhadap konsep muzium klasik. Semua berpunca daripada perubahan paradigma pemikiran falsafah barat - daripada era kolonial kepada era pasca kolonial. Sarjana muzium moden sepakat bahawa andainya muzium ingin terus hidup ia perlu mengambil kira paradigma ini, kerana masyarakat dunia bukan lagi didominasi oleh kuasa barat tetapi telah berubah kepada pasca kolonialisme.

Hasilnya, sarjana dengan konsep muzium baru menilai secara mendalam apa yang telah dilakukan oleh dunia barat dalam perspektif dinyatakan iaitu; pertama, impak negatif penjajahan dunia barat ke atas masyarakat lain. Antara impaknya semua pandangan dalam bidang ilmu termasuk aspek muzium dibuat atas falsafah orientalism dan Eurocentric; semua perkara dinilai daripada perspektif manusia barat. Hanya barat sahaja yang maju manakala masyarakat bukan barat dianggap mundur. Kedua, kezaliman masyarakat barat perlu didedahkan untuk pengetahuan masyarakat dunia. Hal ini dapat dilakukan melalui kaedah *Sabultern Studies* dan *Occidentalism*.

Konsep muzium baru ini lahir di tahun 1980an apabila sekelompok sarjana muzium sepakat mengkritik pendekatan muzium klasik yang lebih bersifat inklusif (tertutup) dan tidak terbuka pada masyarakat awam. Terdapat dua orang sarjana muzium yang terbabit iaitu Peter Vergo dan Sharon Macdonald yang terpengaruh dengan pemikiran falsafah pasca modenisme yang dibawa oleh Edward Said dan Foucault dan Bourdieu. Sebagai alternatif, Peter Vergo dan Sharon Macdonald membawa konsep eko-muzium yang mendekati muzium dengan masyarakat. Seterusnya, kesedaran konsep muzium baru ini turut terpengaruh dengan teori *counter colonialism*. Teori ini turut mempengaruhi kesemua bidang ilmu merangkumi sains, sastera, sejarah, agama, dan berkaitan muzium. Pengasas terawal yang membawa idea teori *counter colonialism* adalah Edward Said yang menulis buku bertajuk *Orientalism* menjadi rujukan utama sarjana *counter colonialism* ini.

DAPATAN KAJIAN

Intipati Asas Konsep Muzium Baru

Merujuk Ahmad Farid Abd Jalal (2019), konsep utama muzium baru ini terdiri daripada beberapa perkara yang membezakannya dengan konsep muzium klasik. Pertama, wujudnya usaha merapatkan hubungan Muzium dengan masyarakat. Konsep muzium baru adalah berfungsi sebagai tempat menyimpan artifak, ia menekankan pendekatan menjalinkan hubungan dengan masyarakat. Ia lebih bercirikan mesra masyarakat (*community oriented*) dan para pengunjung bebas mengkaji dan mengkritik apa yang dibentangkan oleh curator. Ia berkhidmat untuk memajukan pemikiran masyarakat. Ini termasuk usaha menjadikan muzium sebagai medium untuk tujuan pendidikan dan *nation building*. Sedangkan konsep muzium klasik menganggap muzium sebagai tempat penyimpanan artifak untuk dipamerkan bagi sesuatu matlamat tertentu - seperti untuk menunjukkan prestij pemiliknya. Ia adalah bersifat inklusif (tertutup) dan lebih terhad pada usaha mengkaji dan mengklasifikasikan objek dan galeri dalaman muzium tanpa merapatkan diri dengan masyarakat.

Kedua, falsafah yang mendasari muzium baru adalah falsafah pasca kolonialisme (respon pada kelemahan falsafah modenisme/kolonialisme silam). Jadi, setiap objek dalam pameran perlu menggunakan tafsiran yang lebih kritikal, sama ada:

- 1) Pendekatan *occidentalism* sebagai lawan kepada pendekatan *orientalism*. Pendekatan ini adalah proses belajar dengan barat untuk mengetahui elemen positif dan negatif. Terpenting sekali, ia menekankan kepada usaha pembebasan (dekolonialisasi) muzium daripada pengaruh *colonialism*.
- 2) *Multicultural*; hidup masyarakat dunia adalah pelbagai. Jadi kita perlu mengakui nisbah kepelbagaian ini dengan memberikan penekanan pada usaha mengaitkan muzium dengan isu kemanusiaan, pendidikan, ICT, komunikasi dan kesedaran alam sekitar.
- 3) *Subaltern*; mengkaji sudut pandangan golongan kecil yang dipinggirkan.
- 4) Tafsiran yang lebih bersifat humanistik dalam soal membabitkan masyarakat bukan barat.

Hal ini berbeza sama sekali dengan konsep muzium klasik yang berasaskan falsafah kolonialisme dan euro-centric yang merendahkan masyarakat bukan barat. Mengikut Greer Valley (2017), masyarakat tanah jajahan dianggap sebagai objek bawahan yang hanya layak dijadikan bahan mati dalam pameran galeri muzium kolonial. Mereka menafikan sifat dinamisme masyarakat tanah jajahan, ia dianggap bersifat ahistoris, statik dan tidak boleh berubah ke arah yang lebih baik. Apa yang ditonjolkan dalam muzium kolonial membabitkan masyarakat tanah jajahan yang dianggap kekal sampai bila-bila.

Ketiga, asas autoriti kurator muzium. Konsep muzium baru percaya peranan kurator sebagai sarjana, penyelidik dan pendidik kepada masyarakat. Beliau perlu menjadi sarjana-penyelidik dengan sentiasa melakukan penyelidikan perpustakaan dan lapangan sebelum melakukan pemilihan tema dan objek yang ingin dipamerkan. Untuk konteks dunia

moden, ia perlu dipersembahkan dengan bantuan teknologi moden. Kurator bertindak sebagai pendidik masyarakat yang dapat dilakukan dengan menyampaikan pengajaran dalam bentuk sistem nilai baik dan data terkini kepada pengunjung. Ia mengambil kira teori pendidikan baru dalam menyediakan sesuatu pameran: (a) teori belajar iaitu bagaimana ilmu diperolehi atau ilmu berada dalam diri, dan (b) bagaimana bentuk pameran harus dipersembahkan iaitu dengan menekankan penggunaan pemikiran kritis terhadap konsep muzium klasik.

Mengikut kupasan Hooper-Greenhill (2000), hal yang sebaliknya dipegang oleh konsep muzium klasik yang menganggap curator;

- 1) sebagai sumber autoriti yang membawa kepada kebenaran dalam aspek sains dan kemanusiaan.
- 2) Kurator bertindak sebagai alat atau ejen golongan atasan (penjajah). Ia memaparkan falsafah penjajah dan hasil positif yang diperolehi daripada penjajahan.
- 3) mereka memegang autoriti kebenaran. Ia berupa bentuk mengajarkan maklumat dan hakikat kebenaran kepada golongan kulit putih bahawa tamadun mereka adalah yang paling tinggi dan patut dikekalkan. Manakala tamadun bukan kulit putih adalah tamadun bertaraf rendah yang tidak layak untuk hidup. Untuk itu, golongan kulit putih berhak dan perlu memikul tanggungjawab mengajar tamadun kepada golongan bukan kulit putih melalui kempen penjajahan.

Akhir sekali, konsep muzium baru ini menekankan keterikatan aktiviti muzium dengan etika yang khusus. Ia mendapat dokongan istimewa ICOM yang menetapkan Kurator muzium perlu terikat dengan syarat, piawai dan etika khusus bagi memastikan kerja-kerja kurator lebih beretika dan menepati etika kemanusiaan sejagat.

Bagaimana Muzium Pahang Memperkasakan Aset Sejarah Islam

Muzium Negeri Pahang berusaha menerapkan falsafah New Museum dalam setiap setup fizikal dan koleksi yang dimiliki. Falsafah ini menekankan aspek pendidikan kepada masyarakat, menjadi pusat ilmu dan perlu terlibat secara aktif dalam mewujudkan pencerahan serta pemikiran kritis yang kondusif dengan realiti zaman global. (Tania Cleary (2006) Atas dasar itu, Muzium Negeri Pahang menetapkan bahawa dalam setiap galeri dan koleksi artifaknya perlu ditunjangi dengan penyelidikan ilmiah.

Polisi ini telah dilakukan dengan menaja tiga penyelidikan yang dilakukan oleh serangkaian penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam. Ketiga projek ini adalah;

- 1) Merekonstruksi Sejarah Islam Pahang.
- 2) Ilmu Colonial dan Impaknya Pada Masyarakat Melayu.
- 3) Tulisan Jawi: Karya Intelektual Melayu.

Hasil kajian penyelidikan ini telah diterbitkan ataupun dibentangkan dalam beberapa penerbitan dan seminar yang khusus. Lebih penting lagi, hasil dapatan kajian ini dipergunakan untuk melengkapkan koleksi maklumat dan literature untuk ketiga-tiga tema pameran.

Selain itu, pihak muzium Negeri Pahang telah mengadakan beberapa siri Kolokium Islam Pahang yang dibuat dalam bentuk wacana ilmiah dan pembentangan kertas kerja oleh sejumlah penyelidik Institusi Pengajian Tinggi Awam. Hasil kajian ini telah dikumpulkan untuk dijadikan bahan sokongan untuk setiap galeri Islam. Contohnya, pada 27hb April 2017 Kolokium Islam Pahang telah diadakan. Ia menggunakan tema *Tarikh 1874 dan Pengaruh Ilmu Kolonial di Tanah Melayu*. Hasil dapatan kajian ini kemudiannya menghasilkan bahan utama untuk pameran kolonial ini.

Terdapat banyak sekali asset atau maklumat sejarah Islam Pahang yang boleh dimanfaatkan oleh muzium Pahang. Ia sebelumnya kurang diperhatikan kerana dianggap sebagai tidak penting. Antaranya, *Pertama*, isi penemuannya dapat mengisi dan memperkukuhkan kandungan untuk tema galeri Islam di Muzium Pahang. Mengikut Abu Talib Ahmad (2016), kajian tentang sejarah Pahang yang dihasilkan melalui kajian terhadap sumber sejarah tradisional – boleh dikatakan tiada langsung maklumat tentang peranan Islam di Pahang. *Kedua*, ia bakal menjana penyelidikan lanjutan untuk subjek Islam di Pahang samada untuk tempoh masa silam atau akan datang. (Ahnaf Wafi Alias, 2018).

Pahang adalah negeri bertuah kerana dianugerahkan dengan pelbagai aset alam dan sejarah yang boleh digunakan. Contohnya, kita boleh merujuk kepada usaha pengumpulan data tentang potensi ekonomi negeri Pahang yang dilakukan oleh pihak British. Terdapat beberapa orang pentadbir-kolonial yang terlibat mengkaji, melawat dan mencatat perkembangan yang berlaku di Pahang pada abad 18. Antaranya adalah Abdullah Munshi, W. Linehan, W.M. Davison, R.G. Cant, W.P. Panton, J.B. Scrivener, Frank Swethnam, R.O. Winstedt dan Moshe Yegar. Mengikut Mohd Samsudin (2010), maklumat tentang potensi ekonomi Pahang terdiri antaranya;

- 1) kekayaan hasil bumi dan potensi ekonomi negeri Pahang yang mempunyai banyak galian berguna seperti bijih timah, besi dan emas. Pahang dikatakan memiliki hasil hutan yang banyak dan masih belum ditebus guna sepenuhnya. Selain daripada orang cina dan siam, bangsa Eropah belum lagi datang untuk mengambil hasil potensi Pahang. Secara terang-terangan mereka bimbang kedatangan bangsa Eropah yang lain ke Pahang yang bakal mengganggu polisi monopoli mereka di Tanah Melayu.

- 2) Maklumat terperinci tentang muka bumi Pahang yang kaya dengan hutan, bukit-bukau, gunung-ganang, hasil sungai, tanah subur, serta flora dan fauna yang melimpah, untuk dimanfaatkan sepenuhnya

PERBINCANGAN

Aset Sejarah Islam Pahang

Pahang sebagai Pusat Islamisasi Tanah Melayu yang Terawal

Kawasan Timur Laut Tanah Melayu yang terdiri daripada negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu. Mengikut Kamis Bin Ismail (2003), ia bermula sejak tahun 717M apabila khalifah Sulayman Bin Abd Malik menghantar angkatan tentera ke China yang menyebabkan proses penyebaran Islam telah berkembang di kawasan pantai pelabuhan ini sejak abad pertama Hijrah lagi.

Pelabuhan kawasan ini juga kemudiannya turut dikunjungi oleh laksamana Cheng Ho dalam beberapa siri penjelajahannya. Hasil daripada kunjungan ini terdapat beberapa tinggalan masyarakat China Islam seperti masyarakat China Islam dan monumen tertentu di kawasan terbabit. Kemuncak perkembangan ini berlaku pada tahun 878M apabila berlakunya pembunuhan seramai 120,000 umat Islam di China. (Zakaria Ali (1994) Mengikut Mahayuddin Haji Yahya (1993), catatan Arab menerangkan bagaimana lanjutan daripada peristiwa ini ramai daripada penganut Islam di kawasan Tenggara China telah berhijrah ke kawasan Asia Tenggara, termasuklah ke kawasan wilayah Timur Laut ini. Kawasan Alam Melayu juga telah menjadi tumpuan pelarian Ahl Bayt (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah, yang boleh dilihat dengan wujud masyarakat Syed yang agak ramai di seluruh kawasan pelabuhan terpenting rantau Alam Melayu seperti Brunei, Sabah, Sulu, Pahang dan Terengganu.

Sebelum ini, terdapat teori yang mendakwa Melaka merupakan tempat terawal menerima ajaran Islam di Tanah Melayu, yang dikaitkan juga sebagai pusat yang memperkembangkan Islam ke seluruh jajahan takluk empayar Melaka yang lain. Secara mudahnya, kita dapat mengatakan bukti tempat awal menerima Islam perlu didasarkan kepada wujudnya beberapa artifak yang khusus, merangkumi:

- a) kitab atau manuskrip agama
- b) masjid tertua
- c) institusi pendidikan Islam seperti pondok
- d) kubur seseorang ulamak
- e) terpenting sekali pengaruh pemikiran Islam yang berkekalan serta dapat dikesan penggunaannya secara meluas di dalam masyarakat. Seandainya bukti-bukti ini mahu diambilkita, kita akan bersetuju bahawa kawasan pantai Timur Tanah Melayu lebih memenuhi syarat bukti ini, kerana kesemua artifak dan bukti ini memang terdapat secara lengkap di kawasan pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan, dan bukannya di kawasan Pantai Barat Tanah Melayu.

Bahkan terdapat teori lain yang mengatakan Pahang telah menerima Islam lebih awal daripada Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M). Antara bukti-bukti ini adalah; *Pertama*, penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 1028 Masihi. Batu nisan ini mirip seperti batu nisan yang dijumpai di Perlak dan Pasai yang mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu. Bukti ini menunjukkan Pahang adalah salah satu negeri Pantai Timur yang menjadi tempat terawal menerima proses Islamisasi lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka. Lebih jauh lagi, kawasan Timur Laut (Pahang dan Terengganu) ini mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu. (Abdul Rahman Abdullah, 1990)

Kedua, penemuan artifak arkeologi di Pulau Tioman - kawasan pelabuhan yang maju satu ketika dahulu dalam rangkaian jalan perdagangan antarabangsa antara Cina dan India dengan Timur Tengah.

Ketiga, kawasan pahang telah dijadikan tumpuan pelarian Ahl Bayt (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah. Ia menjadi penyebab utama kenapa golongan keturunan Syed agak ramai, yang boleh dikesan di beberapa penempatan di Pahang. Golongan ini agak penting kerana mereka dianggap sebagai pendakwah pakar yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh rantau Alam Melayu.

Pahang sebagai Pusat yang Menerima Pengaruh Islam Luar

Pahang banyak menerima pengaruh intelektual Islam daripada kerajaan Islam Acheh. Mengikut skema S.M. Naquid al-Attas (1969), perkembangan intelektual Islam di Alam Melayu terbahagi kepada tiga zaman utama. *Pertama*, zaman antara tahun 1200-1400 iaitu zaman pengIslaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata (*nominal conversion*). *Kedua*, zaman antara tahun 1400-1700 yang dijelaskan sebagai zaman pengIslaman masyarakat Melayu secara zahir dan batin yang antara kesannya adalah tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup menggalakkan dalam pelbagai bidang pengajian Islam. *Ketiga*, zaman antara tahun 1700 ke atas yang digambarkan sebagai zaman penerusan

idea daripada yang kedua, yang kemudiannya telah terganggu dengan kedatangan kuasa barat di Tanah Melayu. Hubungan Pahang dan Aceh berada dalam era kedua yang menyaksikan era kegemilangan tamadun Melayu.

Pahang dan Aceh mempunyai hubungan diplomatik-kekeluargaan kerana pengaruh dua orang anak raja Pahang di Aceh. *Pertama*, Raja Iskandar Thani asalnya adalah anak raja Pahang yang ditawan dan dilantik menjadi pengganti Raja Iskandar Muda. *Kedua*, Puteri Kamelia, tawanan daripada Pahang telah menjadi isteri Raja Iskandar Muda yang sah. Beliau kemudiannya bertanggungjawab menjadi penasihat di istana yang membentuk badan mesyuarat negara bagi mendengar masalah masyarakat awam. Kepentingannya terbukti dalam *Hadis Maja* yang digunakan di Aceh, suatu formula tentang bagaimana pemerintahan negara perlu dilakukan. Jadi hubungan kekeluargaan ini telah memberi pengaruh yang besar dalam bidang sosial-politik dan intelektual.

Aceh telah menjadi kuasa besar kerajaan Islam yang bertanggungjawab dalam beberapa perkara;

- 1) Benteng mempertahankan Alam Melayu daripada penjajahan kuasa kafir kristian yang diwakili oleh portugis, belanda dan British. kejayaan ini terbukti apabila Charles Tisdall (1916), mubaligh kristian menyatakan bahawa Aceh dan Tanah Melayu telah menjadi kawasan gelap untuk perkembangan agama kristian.
- 2) menjalankan Strategi *Politik Membesan* bagi memastikan kuasa politik Alam Melayu dapat dijalankan dalam bentuk yang sistematik sesuai dengan realiti Alam Melayu. Strategi *Politik Membesan* ini dijalankan oleh kerajaan Aceh yang mengahwinkan raja dan keturunan raja daripada Pahang, Kedah dan Perak; sebagai kaedah untuk merapatkan hubungan atas dasar ukhawah Islam dengan keluarga diraja negeri-negeri Melayu. Bukan hanya hubungan terjalin, malah taktik ini juga bakal meraih simpati dan sokongan daripada masyarakat awam yang sememangnya bergantung kepada keluarga diraja terbabit. Di Alam Melayu, taktik penyebaran Islam berjaya dilakukan melalui institusi perkahwinan. Ia lebih bersifat alami kerana perkahwinan akan mewujudkan dan menggabungkan dua keluarga besar yang berbeza untuk tujuan yang lebih besar, meninggikan agama Islam.
- 3) Memperkasakan penggunaan bahasa Melayu sebagai *Lingua Franca* di antara kerajaan Melayu dan lebih penting lagi ianya menjadi alat terpenting bagi perkembangan keilmuan dan intelektual Islam pada abad ke 17. (Amirul Hadi, 2004)
- 4) Hubungan Aceh dan Turki telah mewujudkan laluan haji yang selamat untuk kapal haji alam melayu. Di zaman sebelumnya, kapal haji Alam Melayu sering menjadi sasaran rompakan lanun India dan eropah. Dasar hubungan Aceh-Ottoman ini menyumbang kepada kewujudan masyarakat jawi di Haramain (ulamak dan pelajar Melayu yang mendalami dan menyebarkan ajaran Islam). Masyarakat jawi ini kemudiannya menyumbang kepada wujudnya jalinan intelektual antara Alam Melayu dengan Haramayn. Ia secara langsung telah mempercepatkan pemeraksanaan *world-view* dan keilmuan Islam di Alam Melayu dalam bentuk yang tidak pernah terjadi sebelum ini. (Azra Azyumardi, 2015)

Pahang dan Pengaruh Ilmu Islam daripada Aceh

Fakta ini terbukti apabila Pahang telah menjadi tempat Sheikh Nurudin Raniri menghasilkan kitab fiqh terawal di alam Melayu iaitu Kitab Siratul Mustaqim. Mengikut Jamalluddin Hashim (2014), Kitab Siratul Mustaqim ini secara khusus mengandungi persoalan fiqh untuk tujuan ibadat masyarakat Melayu. Ia dijadikan rujukan di beberapa sistem pondok di Alam Melayu. Abu Hassan Sham (1998) menegaskan bahawa Pahang pernah menjadi pusat Tarikat Tasawuf Falsafah Wujudiah (Teluk Pelang) bila mana dicatatkan terdapat guru kepada Hamzah Fansuri. Fahaman Sufi ini pernah menimbulkan polemik besar di Alam Melayu bila mana Pahang dan Aceh menjadi pusat utama berlakunya polemik ini. Tarikat ini terus berkembang menjadi ajaran Martabat Tujuh yang dibawa ke Pahang oleh Tuk Mengkarak.

Apabila berlaku penaklukan Aceh ke atas Pahang pada tahun 1671 telah menyebabkan Pahang menerima ilmu Islam yang dibangunkan oleh ulamak Aceh. Atas sebab itu ilmu Islam menjadi semakin marak berkembang di Pahang. Sayugia diingat bahawa ilmu Islam Alam Melayu dibentuk asasnya, metodologi, epistemologi dan pegangan mazhab oleh ulama Aceh. Sejak itu, Pahang memang terdedah dengan idea dan pendekatan ilmu Islam yang dibawa oleh ulamak Aceh, Kelantan, Terengganu, Pattani, Banjar, Jambi, Palembang, Sulawesi, Johor-Riau dan kawasan lain.

Mengikut Azyumardi Azra (1994), Penyebaran idea-idea Islam ini bersifat rentas sempadan. Apa yang diajar di Haramayn (Mekah dan Madinah) ditransmisikan ke Alam Melayu oleh ulama Melayu yang merupakan graduan Haramayn. Maknanya, sejak awal lagi, keilmuan Islam masyarakat Alam Melayu memang bersifat ortodok kerana ia mendapat pengesahan daripada ulama Haramayn yang merupakan autoriti tertinggi keilmuan umat Islam pada waktu itu. Tema pemikiran intelektual Islam luar yang berkembang dan dikesan pengaruhnya di Pahang agak komprehensif. Ia membabitkan tema epistemology Islam, neo-Sufism, ilmu ketatanegaraan Melayu- Islam dan fiqh tempatan. Wacana kesemua tema-tema pemikiran Islam ini telah mewarnai pemikiran Islam di Alam Melayu amnya dan Pahang khususnya. Asas ini kemudiannya telah memperkayakan ilmu Islam di Malaysia.

Fakta Perjuangan Jihad Orang Melayu Pahang Melawan Penjajah British

Fakta ini memang disedari oleh sejarahwan Malaysia, tetapi ia kurang diberikan penekanan utama dalam sejarah Malaysia. Kalau adapun pendedahan fakta ini, ia dikatakan sebagai penentangan pembesar Melayu iaitu Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau yang tidak berpuashati kerana hak istimewa mereka dirampas oleh pihak British. Sepatutnya sejarah penentangan orang Melayu Pahang ini perlu dilihat daripada perspektif yang lebih holistik. *Pertama*, ianya

merupakan perjuangan jihad Melayu yang mendapat sentuhan ulama. Ia bukan merupakan perjuangan kedaerahan tetapi bersifat serantau dan antarabangsa. Pejuang Pahang mendapat sokongan daripada orang Melayu negeri Kelantan dan Terengganu. Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau dikatakan berundur dan bersembunyi di dua negeri tersebut ketika diburu oleh pihak British. Bagi Mohd Roslan Mohd Nor, sokongan ini wujud kerana adanya kefahaman jihad melawan penjajah Kafir.

Kedua, ulama Melayu telah berjaya menerapkan semangat jihad melawan penjajah British kepada masyarakat Melayu. Mengikut Hasanuddin Daud (2009), terdapat dua strategi besar yang dilakukan oleh ulama Alam Melayu bagi memperkasakan perjuangan jihad. Antaranya:

a) Institusi Haji dijadikan sebagai Wadah Perkaderan Pejuang Islam

Kota Mekah telah menjadi pusat untuk melatih ulama pejuang jihad bagi melawan penjajahan barat di negara umat Islam. Isu penjajahan dan kezaliman penjajah telah ditimbulkan semasa ibadat haji berjalan. Ia berjaya menarik sokongan umat Islam sedunia. Kota Mekah bergiat aktif menyemai semangat jihad dalam kalangan ulama yang berasal dari Alam Melayu. Ulama tersebut antaranya Syeikh Muhammad al-Fathani dari Patani (Thailand), Syeikh Muhammad Zain al-Ashi dari Aceh (Indonesia) dan Syeikh Muhammad al-Falimbani dari Palembang (Indonesia). Para ulama di Makkah tersebut juga telah melahirkan ramai ulama yang berpengaruh di Alam Melayu seperti Syeikh Yusuf al-Maqassari (Makassar), Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh Abdul Wahab Bugis, Syeikh Muhammad Ali Aceh dan Syeikh Daud al-Fathani dan seumpamanya (Daud, 2009; Darusman, 2008).

Dalam konteks Alam Melayu, tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam memperjuangkan semangat jihad ialah Syeikh Daud al-Fathani dan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Kedua-dua tokoh ini terlibat dalam peristiwa jihad melawan penjajah Siam di Pattani. Rentetan daripada peristiwa jihad ini, ia melahirkan pejuang jihad ulama Melayu yang lain antaranya ialah Syeikh Muhammad Bendang Daya, Syeikh Abdul Qadir Mustafa Bendang Daya, Syeikh Wan Hasan Besut, Syeikh Abdul Halim Kelantan, Tuanku Tambusai Minangkabau dan Raja Ahmad Raja Ali Riau yang merupakan kader Syeikh Daud al-Fathani (Masae & Hamid, 2014).

Jaringan intelektual dan perjuangan seterusnya diwarisi oleh generasi terkemudian antaranya ialah Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani yang menjadi rujukan dan individu penting dalam sejarah kebangkitan perjuangan melawan penjajah di Alam Melayu (Samsudin & Yahaya, 2011). Atas dasar itu, Mekah telah menjadi pusat tumpuan pembentukan gerakan memperjuangkan kemerdekaan umat Islam. Hasilnya ramai ulama lulusan Mekah ini telah memelopori secara langsung gerakan-gerakan anti penjajah di tanah air mereka. Antara contoh yang jelas adalah Perang Padri, Perang di Banten, Makassar, Pattani dan Palembang.

b) Penghasilan Karya Jihad untuk Masyarakat Alam Melayu

Di Alam Melayu, peranan Karya Jihad Syeikh Daud Pattani amat besar dalam meniupkan semangat jihad. Beliau boleh dikatakan sebagai pelopor jihad di Alam Melayu dengan menulis kitab jawi yang menerangkan kewajipan jihad melawan penjajah kepada umat Islam. Perbincangan isu jihad terkandung secara terpecah dalam tiga buah kitab yang dihasilkan; (1) *Lum'ul Fawa'id*, (2) *kitab Tuhfatul Gharibin* dan (3) *kitab Munyat Muslli* (Azra, 2005). Hasil kajian terhadap ketiga karya ini mendapati bahawa; *pertama*, walaupun Daud Pattani berada jauh di Timur Tengah tetapi semangat sayangkan tanah air tetap kuat mempengaruhinya. Ia tidak mahu terputus hubungan dengan nasib yang dialami oleh masyarakat tanah tumpah darahnya, Pattani.

Kedua, memberi semangat jihad berasaskan penegasan al-Quran, al-Sunah dan pandangan ulama kepada pejuang Islam di Pattani. Ia menganggap jihad di Alam Melayu bukan sia-sia tetapi mereka akan mendapat ganjaran pahala di dunia dan akhirat yang dijanjikan Allah. Untuk itu ia menggalakkan dan berusaha menaikkan semangat jihad ini bagi masyarakat Islam Pattani meneruskan jihad kerana dianggap sebagai fardu ain demi mengekalkan Kerajaan Islam terus kekal berkuasa. Tanpa jihad, maka sia-sia amalan agama daripada aspek akidah, sufi dan syariah. Ringkasnya, Islam bukan setakat untuk difahami semata-mata bahkan perlu turut dibuktikan dengan jihad yang bakal mengorbankan nyawa. Ia dapat meraih status mati syahid, suatu status yang sangat tinggi di sisi Allah. Beliau sengaja menggunakan ayat seruan jihad ini secara umum untuk semua penduduk Alam Melayu kerana memaklumi nasib umat Islam yang ditindas oleh penjajah Barat bukan setakat di Pattani, tetapi termasuk juga di Aceh, Tanah Melayu, Filipina dan Sumatera (Ismail, 2011).

Ketiga, menerangkan matlamat dan hukum jihad. Maqasid jihad adalah untuk memastikan agar Kerajaan Islam sentiasa terpelihara kerana tanpa sebuah kerajaan, sudah pasti pengamalan Islam yang menyeluruh menjadi mustahil dapat dilaksanakan. Kerajaan Islam ini sangat penting untuk tetap terpelihara agar pelaksanaan syariah dan penyebaran syiar Islam sentiasa terus dapat berkembang di samping mewujudkan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Atas dasar ini, Ibn Khaldun berpendapat bahawa fitrah dan sifat sayangkan bangsa sendiri (*asabiyyah*) adalah nikmat yang diberikan oleh Allah pada setiap manusia. Teori *asabiyyah* ini memberikan signifikan penting dalam memperjelas hala tuju dan pembinaan negara bangsa yang stabil (Faghizadeh, 2004).

Sehubungan dengan itu, menurut Burhanuddin Helmi, semangat sayangkan tanah air ini sememangnya mempunyai ikatan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang mendasari semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan *watan*. Iman berada dalam diri, manakala diri berada dalam lingkungan bangsa dan bangsa pula membangun di atas *watan*. Sebagaimana manusia mencintai kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan

melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat penting untuk memastikan agama dapat dipelihara di atas bumi (Jaffar, 2000). Hukum jihad itu wajib bagi imam atau pemimpin Islam untuk mengisytiharkannya. Ia menjadi fardu ain yang wajib dilakukan kepada semua masyarakat Islam kecuali golongan tertentu yang dikecualikan seperti kanak-kanak, wanita, orang sakit dan hamba. Pelajar-pelajar agama dan ahli sufi yang aktif wajib melibatkan diri dalam jihad. Bagi memastikan seruan jihadnya mendapat perhatian pembaca, Daud Pattani telah mengemukakan hujah kefarduan jihad ini, sama ada fardu ain atau kifayah berdasarkan sejumlah besar ayat al-Quran, al-Sunah dan pandangan ulama.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, beberapa perkara dapat dikenalpasti. *Pertama*, muzium: institusi penjaga-pendidik masyarakat yang baik sepanjang zaman. Hal ini berlaku kerana pelbagai keistimewaan yang dimiliki oleh muzium seperti penggunaan objek yang unik, menarik, mudah diingati dan dapat menjana pemikiran kritis. *Kedua*, Muzium Pahang dengan pemakaian falsafah muzium baru telah menaja penyelidik IPTA untuk melakukan penyelidikan ilmiah untuk mengenalpasti dan mengumpul aset dan fakta sejarah Islam Pahang yang terabai. Ia termasuk artifak yang bakal mengisi galeri sejarah Islam di Muzium Pahang.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (AL-ASAR) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001. KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada AL-ASAR atas sumbangan dana yang telah diberikan.

SUMBER RUJUKAN

- Abd Jalal, A. F. (2022). Perkembangan Institusi Memori (LAM) Pada Era British di Tanah Melayu. *Sejarah: Journal of History Department*, 31(1), 34-64.
- Abd Jalal, A. F., Pawi, A. A. A., & Rahim, R. A. A. (2020). Konsep muzium baru: Analisis kritikal pemikiran kolonial terhadap bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 122-147.
- Abd Jalal, A. F., Rahim, R. A. A., Said, M. H. M., & Manap, M. J. A. (2022). Kearifan ketatanegaraan dan gender Melayu Islam Pahang di Aceh: Satu Analisa (The constitutional and Pahang Malay muslim gender wisdom in Aceh: An analysis). *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 97-107.
- Abd Rahim, R. A. (2011). Metodologi disiplin occidentalisme alternatif: Tumpuan khusus terhadap pandangan orientalis terhadap hukum Islam: Alternative Occidentalisme Disciplinary Methodology: A Special Focus on Orientalist Views of Islamic Law. *Jurnal Syariah*, 19(3), 213-248.
- Abd. Rahim, R. A., & Kahal, S. M. (2017). Ilmu kolonial dan islamisasi alam Melayu: Analisis kritikal. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 26(1), 1-20.
- Abd. Rahim, R. A., Yusof, A., Md. Noor, R., & Abdul Kadir, N. A. (2012). *Pemikiran pendidikan Islam dalam sejarah tradisi alam Melayu: Analisis kritikal / Rahimin Affandi Abd. Rahim, Abdullah Yusof, Ruzman Md. Noor dan Nor Adina Abdul Kadir*. In: Transformasi penyelidikan dalam bidang pengajian Islam: prosiding Seminar Antarabangsa Penyelidikan Pengajian Islam, 15-16 Februari 2012, Kuala Lumpur.
- Abdullah, A. R., (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ishak, M. S. (2000), *The Malays In The Middle East*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, A. T. (2016). Pahang State History: A review of the published literature and existing gaps. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 23(1), 35-64.
- Al-Attas, M. N. (1969). *Preliminary statement on a general theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias, A. W. (2018). Peranan kurator Muzium Negeri Pahang dalam memastikan kelangsungan manuskrip hukum kanun Pahang. *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu*, 215-230.
- Awang, O. (1980). The Trengganu inscription as the earliest known evidence of the finalisation of the Jawi alphabet. *Federation Museums Journal*, 25, 55.
- Awang, O. (1981). The major arabic sources which determined the structure of Islamic thought in the malay archipelago before the nineteenth century A.D. in the field of law, theology and sufism. *Islamika*, 1, 80-85.
- Azra, A. (1994). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Penerbit Mizan, Bandung.
- Cleary, T. (2008). *The New Museum: function, form and politics*. Doctoral Thesis, Griffith University.
- Curtis, N. G. (2006). Universal museums, museum objects and repatriation: The tangled stories of things. *Museum Management and Curatorship*, 21(2), 117-127.

- Darusman, L. H. (2008). *Jihad in two faces of Shariah: Sufism and Islamic Jurisprudence (Fiqh) and the revival of Islamic movements in the Malay World*. Tesis PhD (Unpublished). The Australian National University, Canberra.
- Daud, H. (2009). Islam dan politik: Dinamika kerjasama tokoh serumpun dalam menghadapi penjajah. Kertas kerja dalam *Dialog Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Indonesia–Malaysia*. Tanjung Pinang, Indonesia, 7–9 October 2009.
- Faghizadeh, S. (2004). *Sosiologi Sosiologi*. Terjemahan: Mohd Fauzi Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Fauzi, N. (2013). Role of Hadhrami Arab in political influence of the Johore Sultanate in the early 20th the century AD. *International Journal of West Asian Studies*, 4(2), 1-21.
- Hadi, A. (1992). *Aceh and the Portuguese: A study of the struggle of Islam in Southeast Asia, 1500-1579*. Master Dissertation. Institute of Islamic Studies, McGill University, Montreal, Canada.
- Hashim, J. (2014). Analisis pengaruh unsur fiqh tempatan dalam Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, (7)1, 2-19.
- Hashim, M. (1994) *Sejarah awal tulisan Jawi*. Alam Melayu. ISSN 0128-6927.
- Hedstrom, M., & King, J. L. (2003). *On the LAM: Library, archive, and museum collections in the creation and maintenance of knowledge communities*. Working paper, 2003. University of Michigan School of Information.
- Hooper-Greenhill, E. (2000). *Museums and the Interpretation of Visual Culture* (1st ed.). Routledge.
- Ilagien, L. (2013). *Volkenkunde Museum and its Visitors A case study on the making of the Haji exhibition* (Doctoral dissertation, Master Thesis untuk university of Leiden, h. 25-30).
- Ismail, A. S. (2011). Persepsi kalimah jihad menurut pandangan ulama nusantara. *Dalam Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Disunting Oleh Azmul Fahimi Kamaruzaman, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM: Bangi*. 86-90.
- Ismail, K. (2003). *Shiah dan Pengaruhnya dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu* (Doctoral dissertation, Tesis Ph. D, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Ismail, M. R. (2015). *Kerdipan Bintang Melayu di Bumi Turki*. Selangor: Karangkrak.
- Jaafar, K., & Al-Helmy, B. (2000). *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Jalal, A. F. A. (2019). *Pengaruh British dalam Institusi Muzium di Malaysia: Kajian di Muzium Negeri Pahang* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM).
- Jayawardena, D. I. (2010). *Universal Museums: Their History, Challenges and Need for a Renewed" universal" Perspective* (Doctoral dissertation, University of Florida).
- Kasimin, A. (1987). *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmoud, S. (2004). *The value of a collections management policy for museums* (Doctoral dissertation, Texas Tech University).
- Masae, S., & Abdul Hamid, A. F. (2014). Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Sumbangannya dalam Pendidikan Islam di Pattani. *Jurnal al-Muqaddimah*, 2(2), 102–114.
- Othman, M. R. (2001). Pengaruh Timur Tengah dalam perkembangan awal kesedaran politik Melayu. *dalam Mohammad Redzuan Othman et al. Jendela Masa: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rahim, R. A. A., Ismail, P., Abd Majid, M. K., & Dahlal, N. H. M. (2010). Batu Bersurat Terengganu: satu tafsiran terhadap pelaksanaan syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, 7, 107-148.
- Rahim, R. A. A., Jalal, A. F. A., Ismail, H., Ismail, A. H., & Abd Razak, M. I. (2017). Pengaruh ilmu kolonial dalam permuziuman di Malaysia: Satu analisis. *E-Academia Journal*, 6(1), 127-141.
- Salleh, S. H. (1987), Kesusasteraan hikayat sebagai suatu genre: Suatu perbincangan berdasarkan Hikayat Isma Yatim. *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur.
- Samsudin, M. (2010). Pahang Sekitar Abad ke-19 Menurut Pandangan Pegawai-Pegawai British. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 37, 105-121.
- Valley, G. (2017). *Confronting the museum's colonial past: Towards new strategies of institutional critique* (Doctoral dissertation, Stellenbosch: Stellenbosch University).